

25 JAN 2003

Syed Razak-Puteri

UMNO KEDAH BERI KEKUATAN KEPADA KEBANGKITAN PUTERI UMNO

ALOR STAR, 25 Jan (Bernama) -- Usaha Puteri Umno memperhebatkan gerakan kempen keahlian di seluruh daerah memberi gambaran bahawa Umno Kedah sentiasa menyokong mereka, kata Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Beliau berkata, usaha Puteri Umno dalam meningkatkan bilangan ahlinya adalah relevan dengan hasrat parti menambah jumlah ahli yang berdaftar sekarang.

"Saya yakin dengan program-program profesional yang telah disusun oleh Puteri dapat menarik lebih ramai lagi belia negeri ini menyertai Puteri Umno dan Wanita," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Keahlian Puteri Umno Kedah di sini, hari ini.

Beliau berkata, dengan adanya kempen di pasaraya-pasaraya besar seperti ini, secara tidak langsung ia akan menarik minat belia lelaki mendaftar sebagai ahli Pemuda Umno.

Syed Razak berkata, Puteri dan Pemuda Umno seharusnya bergabung tenaga menghasilkan lebih banyak program pendedahan mengenai parti, sekaligus menjadikan Kedah negeri pertama mengamalkan cara berkempen 'turun ke bawah'.

Katanya, sehingga kini Puteri Umno Kedah mempunyai anggota seramai 15,000 orang.

Ditanya sama ada Umno Kedah perlu membuat rombakan dalam jentera parti itu, Syed Razak berkata, kajian yang teliti sedang dibuat dan kalau perlu rombakan akan dibuat untuk memperkuatkan lagi jentera parti.

Katanya, kajian yang dibuat dari semasa ke semasa seperti pengubahsuaian dalam pegawai-pegawai parti adalah baik seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Umno negeri akan membuat pengubahsuaian dalam bidang pengurusan dan pentadbiran sebagai persediaan menghadapi pilihan raya nanti," katanya.

Syed Razak berkata, pembangunan dan kemajuan yang dikecapi oleh negeri Kedah hari ini berada pada tahap yang cukup membanggakan dan adalah perlu untuk memperkuatkan lagi jentera parti negeri.

Mengenai calon wakil rakyat, Syed Razak berkata, yang penting calon-calon tersebut adalah mereka yang boleh bekerja kuat dan dapat diterima oleh rakyat setempat.

--BERNAMA

RSL MZM ZB